



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

KENYATAAN MEDIA

PUSINGAN KE-6 RUNDINGAN RANGKA KERJA EKONOMI INDO-PASIFIK, KUALA LUMPUR, 15-24 OKTOBER 2023

Malaysia menjadi tuan rumah bagi Pusingan Ke-6 Rundingan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (*Indo-Pacific Economic Framework – IPEF*) yang telah berlangsung di Kuala Lumpur dari 15 hingga 24 Oktober 2023 yang disertai oleh negara-negara anggota IPEF.

IPEF merupakan suatu Rangka Kerja Ekonomi yang diterajui oleh Amerika Syarikat dan pada masa ini sedang dirundingkan bersama 13 negara lain iaitu Australia, Brunei Darussalam, Fiji, Filipina, India, Indonesia, Jepun, Malaysia, New Zealand, Republik Korea, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Penganjuran Pusingan Ke-6 Rundingan IPEF oleh Malaysia merupakan kesinambungan negara-negara IPEF untuk meneruskan momentum rundingan di Mesyuarat Menteri-menteri IPEF akan datang.

Rangka Kerja Ekonomi IPEF ini terdiri daripada empat teras utama yang dipersetujui oleh Menteri-menteri IPEF pada 8 dan 9 September 2022 di Los Angeles, Amerika Syarikat iaitu:

- (a) Teras 1 – Perdagangan (*Trade*);
- (b) Teras 2 – Rantaian Bekalan (*Supply Chain*);
- (c) Teras 3 – Ekonomi Bersih (*Clean Economy*); dan
- (d) Teras 4 – Ekonomi Adil (*Fair Economy*).

Oleh yang demikian, rundingan IPEF dijangka akan menghasilkan empat Perjanjian berasingan bagi setiap teras tersebut. Pihak Amerika Syarikat juga telah memaklumkan bahawa hanya perjanjian Teras 1 sahaja yang akan bersifat mengikat (*binding*) dan tertakluk kepada prosedur penyelesaian pertikaian, manakala perjanjian Teras 2, 3 dan 4 adalah bersifat tidak mengikat (*non-binding*).

Rangka Ekonomi IPEF adalah penting bagi Malaysia berikutan pertumbuhan ekonomi negara banyak bergantung kepada prestasi perdagangan antarabangsa. Dalam hal ini, kerjasama IPEF antara lain menitikberatkan kesalinghubungan rantaian bekalan antara negara-negara anggota IPEF yang mana ini adalah penting demi kelangsungan aktiviti ekonomi negara. Sebagai rekod, negara-negara anggota IPEF mewakili 40 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan 28 peratus perdagangan barang dan perkhidmatan global.



Penglibatan Malaysia dalam rangka ekonomi IPEF juga akan memberi gambaran bahawa Malaysia sedia menjalin kerjasama ekonomi dengan Amerika Syarikat dan juga negara-negara yang tidak mempunyai perjanjian perdagangan bebas dengan Malaysia pada masa ini.

Sehingga kini, enam pusingan Mesyuarat Pegawai Kanan IPEF yang telah diadakan sebelum ini adalah seperti berikut:

- (a) 9-16 Disember 2022, Brisbane, Australia;
- (b) 8-11 Februari 2023, New Delhi, India (Pusingan Khas);
- (c) 13-19 Mac 2023, Bali, Indonesia;
- (d) 8-15 Mei 2023, Singapura;
- (e) 9-15 Julai 2023, Busan, Korea; dan
- (f) 10-16 September 2023, Bangkok, Thailand.

Menurut Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, “*Penganjuran pusingan rundingan Ke-6 IPEF ini akan meningkatkan kredibiliti dan melambangkan komitmen serius Kerajaan Malaysia dalam memainkan peranan aktif di dalam rundingan IPEF, di samping memupuk jaringan kerjasama antara Malaysia dan pakar-pakar perunding dari negara-negara yang terlibat.*

Selaku tuan rumah, Malaysia mempunyai kelebihan untuk mengetengahkan isu-isu berkepentingan bagi Malaysia seperti Bantuan Teknikal dan Kerjasama Ekonomi, Pendigitalan serta Rantaian Bekalan, secara lebih agresif. Pada masa yang sama, ia akan memberi peluang kepada lebih ramai pegawai Malaysia menyertai rundingan antarabangsa untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman di dalam proses rundingan IPEF”.

Pada masa yang sama, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri akan terus mengadakan sesi konsultasi bersama para pemegang taruh termasuk Kementerian-kementerian serta agensi-agensi yang berkaitan bagi memastikan kepentingan Malaysia akan terus terjaga sepanjang proses rundingan IPEF.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN & INDUSTRI (MITI)

19 OKTOBER 2023



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

TENTANG MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

PERTANYAAN MEDIA:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Faks +603 6206 4293

E-mel alluks@miti.gov.my